

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 26 JANUARI 2014 (AHAD)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	YDSM not involved in Antarctic expedition	New Sunday Times
2.	Angin kencang, laut bergelora hingga Khamis	Metro Ahad
3.	Sejuk hingga akhir bulan	Metro Ahad
4.	Cameron Highlands paling sejuk	Mingguan Malaysia
5.	Angin kencang dan laut bergelora sehingga Khamis	Bernamea.com
6.	Single thermometer reading can't tell whole story	Sunday Star
7.	Expert: Weather could lead to rain and floods	Sundat Star

**KERATAN AKHBAR  
NEW SUNDAY TIMES (NEWS): MUKA SURAT 8  
TARIKH: 26 JANUARI 2014 (AHAD)**

## **'YDSM not involved in Antarctic expedition'**

**KUALA LUMPUR:** Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) has denied any involvement in the Antarctic expedition led by Terengganu Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said.

Its executive secretary, Mohd Azrul Ismail, said in a statement yesterday the expedition was not part of any programme organised by YDSM.

"The foundation organises charity programmes to improve the well-being and socio-economic status of the rakyat, besides undertaking historical research, heritage development land conservation efforts.

"The Antarctic visit was not organised by YDSM and has no connection to any of our programmes."

A representative of the menteri besar later clarified that the 15-day trip was in fact coordinated by the Sultan Mizan Antarctica Research Foundation under the Science, Technology and Innovation Ministry, and not YDSM.

On Jan 15, a local daily reported that Ahmad would be leading the Antarctic expedition organised by the ministry via a YDSM initiative.

**KERATAN AKHBAR  
METRO AHAD (SETEMPAT): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 26 JANUARI 2014 (AHAD)**



**IBNU Akil Ibrahim (kanan)** mengenakan jaket ketika menaiki bot untuk ke tempat kerja di Kampung Kuala Nal, Kuala Krai, Kelantan akibat cuaca sejuk.

## **Angin kencang, laut bergelora hingga Khamis**

**Kuala Lumpur:** Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua di perairan Condore, Reef North dan Pulau Layang-Layang dijangka berterusan sehingga

Khamis ini.

**Jabatan Meteorologi** dalam satu kenyataan berkata, angin kencang timur laut dengan kelajuan 60km sejam dan ombak mencapai ke-

tinggian 4.5 meter dijangka berlaku dalam tempoh itu.

Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan serta feri.

**KERATAN AKHBAR**  
**METRO AHAD (SETEMPAT): MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 26 JANUARI 2014 (AHAD)**

SUSULAN SUHU SEJUK

# Sejuk hingga akhir bulan

**Fenomena cuaca sejuk berterusan dengan purata suhu minimum 22 darjah Celsius**

Oleh **SHAMRAN SARAHAN**  
 shamss@mediaprima.com.my  
 Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi Malaysia mengesahkan fenomena cuaca sejuk akan berterusan dengan purata suhu minimum se- rendah 21 hingga 22 darjah Celsius di daerah tertentu sehingga penghujung Januari ini.

Antara kawasan yang masih merekodkan suhu sejuk itu ialah Kuala Krai, Alor Star, Baling, Johor Bahru, Batu Pahat, Sibul, Mulu, Buterworth dan Perai.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional Muhammad Helmi Abdullah berkata, meskipun cuaca sejuk itu berterusan, kesannya akan berkurangan menjelang awal Februari.

"Suhu minimum dicatatkan itu tidak keterlaluan, semuanya akan kembali normal secara beransur-ansur awal minggu depan.

	26 Jan		27 Jan		28 Jan		29 Jan		30 Jan		31 Jan	
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
Johor Bahru, Johor	21 °C	31 °C	21 °C	31 °C	22 °C	32 °C	24 °C	32 °C	24 °C	33 °C	24 °C	33 °C
Kuala Krai, Kelantan	22 °C	30 °C	22 °C	30 °C	22 °C	31 °C	23 °C	31 °C	23 °C	31 °C	23 °C	31 °C
Timur Laut, Pulau Pinang	22 °C	32 °C	23 °C	32 °C	23 °C	32 °C	23 °C	32 °C	23 °C	32 °C	23 °C	32 °C
Arau, Perlis	20 °C	32 °C	20 °C	32 °C	20 °C	32 °C	21 °C	32 °C	21 °C	32 °C	21 °C	32 °C
Kuching, Sarawak	22 °C	30 °C	22 °C	30 °C	22 °C	30 °C	22 °C	30 °C	22 °C	30 °C	22 °C	30 °C

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia



**MUHAMMAD HELMI**

yang tidak berasas di Inter- net.

"Dapatkan maklumat melalui agensi yang disahkan kredibilitinya, kalau di negara kita, rujuk Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Begitu juga jika ia berlaku di negara luar, rujuk pihak sepatutnya seperti di Indonesia rujuk kepada Badan Meteorologi, Klimatologi, dan Geofisika," katanya.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan suhu terendah di kawasan tanah rendah negara ini yang direkodkan oleh 39 stesen jabatan itu adalah 17.5 darjah Celsius di Kuala Krai.

Stesen kajian turut merekodkan suhu minimum tertinggi di daerah Mersing, Johor dengan bacaan 24.7 darjah Selsius. Secara purata, suhu minimum mingguan kawasan tanah rendah yang diawasi merekodkan bacaan antara 19 hingga 24 darjah Celsius.

"Fenomena ini bukan sesuatu yang perlu dibimbangkan, ia berlaku berikutan tempas musim sejuk di China," katanya ketika dihubungi semalam.

Muhammad Helmi berkata, orang ramai juga tidak harus mempercayai bu- lat-bulat pelbagai maklumat mengenai perubahan cuaca

# Cameron Highlands paling sejuk

Oleh SYUKRI SHAARI  
pengarang@utusan.com.my

**CAMERON HIGHLANDS** 25 Jan. - Fenomena suhu sejuk luar biasa yang melanda negara ketika ini menyebabkan kawasan tanah tinggi Cameron Highlands dikatakan mengalami suhu paling rendah dalam tempoh kira-kira 20 tahun.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* di sekitar lokasi pelancongan popular negara itu di Brinchang di sini hari ini mendapati, orang ramai terpaksa memakai baju sejuk atau pakaian yang lebih tebal daripada biasa walaupun pada waktu tengah hari.

Cuaca sejuk luar biasa juga menyebabkan rata-rata pengunjung yang datang ke pasar malam di Brinchang terpaksa membeli baju tebal yang dijual di pasar tersebut.

Seorang peniaga makanan, **Shazani Mohd. Sharif**, 25, berkata, rata-rata pelanggan yang mengunjungi gerainya mengakui tentang cuaca sejuk di kawasan itu yang disifatkan sebagai luar biasa.

Dia yang merupakan anak jati

daerah itu turut mengakui merasai perubahan cuaca berkenaan sejak minggu lalu.

"Kebanyakan orang lama di sini kata cuaca begini hanya dapat dirasai di Cameron Highlands kira-kira 20 tahun lalu, sebelum kawasan ini diteroka seperti sekarang. Pengunjung juga mengadu cuaca di sini lebih sejuk jika dibandingkan lokasi peranginan lain seperti Bukit Tinggi, Pahang.

"Memang sejuk, jika sebelum ini waktu tengah hari kami boleh memakai pakaian biasa tetapi hari ini waktu matahari tengah terpacak pun perlu pakai baju sejuk," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Tambah Shazani, fenomena itu menyebabkan ramai dalam kalangan penduduk tempatan sendiri diserang selesema.

Semalam, **Jabatan Meteorologi Malaysia** menyifatkan cuaca sejuk yang dialami rakyat di negara ini berikutan tempas cuaca sejuk melampau dari negara hemisfera utara yang dibawa tiupan Monsun Timur Laut.

Cameron Highlands mencatatkan suhu paling rendah di negara ini apa-



KANAK-KANAK sekolah yang mengikuti rombongan terpaksa memakai baju sejuk selepas suhu di Cameron Highlands makin sejuk di Brinchang, semalam.

bila hanya merekodkan bacaan sekitar 12 darjah celsius pada waktu malam.

Seorang penduduk tempatan, **Bis-tamam Ishak**, 23, pula memberitahu,

perubahan cuaca itu menyebabkan wujud rasa 'malas' untuk keluar dari rumah.

"Cuaca sejuk kali ini memang

lain. Kami boleh rasakan perbedaannya tetapi kami anggap fenomena ini sebagai normal dan bermusim," katanya.

